

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 4/1999**

**MAKLUMAT MENGENAI BUTIRAN TEMPOH TINGGAL DALAM
NEGERI DI BAWAH SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938,
DALAM KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
BERHUBUNG DENGAN PERMOHONAN PINDAHMILIK TANAH**

Arahan ini dikeluarkan supaya semua Pentadbir Tanah Jajahan mengambil langkah menentukan maklumat lengkap dan kemaskini dibekalkan kepada Pihak Berkuasa Negeri menerusi Kertas Majlis Mesyuarat kerajaan bagi membolehkan pertimbangan dan keputusan yang tepat dibuat bagi permohonan-permohonan pindahmilik tanah dibawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Bagi tujuan tersebut maklumat mengenai tempoh tinggal dalam Negeri Kelantan secara berterusan bagi penerima pindahmilik Tanah hendaklah dinyatakan dengan jelas dibawah butiran berkenaan dibawah perkara Perihal Penerima Pindahmilik. Maklumat tersebut hendaklah dinyatakan didalam Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan walaupun bagi kategori Penerima Pindahmilik yang lahir di negeri Kelantan tetapi bertaraf 'Bukan Anak Kelantan'. Maklumat yang jelas mengenai tempoh tinggal di Kelantan bagi penerima pindahmilik kategori tersebut adalah perlu bagi membolehkan pertimbangan yang tepat dan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Negeri.
3. Semua Pentadbir Tanah adalah danasihatkan supaaya mengambil perhatian dan tindakan sebagaimana para 2 diatas
4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

t.t
(MD.YUSOF BIN NOH)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

Kepada : Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

Salinan Kepada :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3,KOTADARULNAIM,
15576, KOTA BHARU.

FAIL :PTG.KN.3269/ JLD.2/(45)

Bertarikh : 28 SAFAR 1420
13JUN1999.